

# BN bukti keupayaan perintah negara: PM

BH - 13/8/2007

## Pembangunan beri keyakinan kepada kerajaan hadapi pilihan raya

Oleh Fazli Abdullah

**K**EPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan menghadapi pilihan raya umum akan datang dengan penuh keyakinan kerana Barisan Nasional (BN) sudah membuktikan keupayaan memerintah negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bukan saja melaksanakan apa yang terkandung dalam manifesto untuk mendapatkan mandat dalam setiap pilihan raya yang diadakan lima tahun sekali, tetapi lebih daripada itu.

Beliau memberi contoh, perancangan kerajaan bukan saja dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), tetapi merangkumi RMK-10 dan RMK-11, untuk memastikan pembangunan negara berterusan.

"Kata di kota, janji dipenuhi. Inilah yang dipegang oleh BN. Kita bukan setakat untuk mendapatkan undi dalam pilihan raya, tetapi ada perjuangan untuk meningkatkan bangsa dan negara.

"Inilah yang dijanjikan dan usaha kita, dan rakyat tahu kemampuan (kerajaan)," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Kepala Batas di Dewan Milenium di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah yang juga Timbalan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Umno Bahagian itu, Datuk Hilmi Abdul Rashid.

Pada majlis itu, Abdullah yang juga Ketua Umno Bahagian Kepala Batas, meraikan dan menyampaikan penghargaan kepada 30 veteran Umno di bahagian berkenaan.

Perdana Menteri berkata, pada pilihan raya kali ini dan akan datang, Umno mempunyai kekuatan dan bersungguh-sungguh membawa pembangunan kepada bangsa dan negara.

Ini, katanya, membolehkan rakyat bersama-sama memberi sokongan padu kepada kerajaan yang mempunyai agenda yang diterjemahkan dalam bentuk pembangunan.

"Kita melihat ke hadapan dan parti ada agenda yang diterjemahkan da-



**TERTARIK:** Abdullah menandatangani peralatan yang menghasilkan tenaga menggunakan hidrogen yang diberi nama Fuel Cell ketika melawat pameran sebelum merasmikan persidangan perwakilan Umno Kepala Batas, di Dewan Melinium, Kepala Batas, semalam sambil diperhati Pengarah Kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Hamdani Sadi (tengah) dan penyelidik dari Business & Advanced Technology Centre UTM, Jorg Weigi.

lam bentuk pembangunan. Parti lain (pembangkang) cakap saja... mimpi, tetapi kita ada agenda, bukannya mimpi," katanya.

Abdullah berkata, beliau tidak nampak kenapa kerajaan yang ditun-

**“Kata dikota, janji dipenuhi. Kita bukan setakat mendapatkan undi dalam pilihan raya, tetapi perjuangan meningkatkan bangsa, negara”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

jangi Umno tidak boleh meneruskan dan melaksanakan apa yang dilakukan sebelum ini pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau mahu semua ahli Umno bersatu padu dan jangan berpecah-belah bagi memastikan kemenangan yang berterusan pada pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri juga menegaskan kerajaan akan terus memikul amanah yang diberikan rakyat ke arah membentuk masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Saya tidak akan membuat sesuatu yang menyestakan bangsa kita. Kami sebagai pemimpin, bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dengan adil dan saksama," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyatakan penghargaan yang tidak terhingga kepada pejuang tanah air yang berkorban untuk mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah.

Sementara itu ketika berucap pada Malam Patriotisme Merdeka sempena Karnival Usahawan Merdeka anjuran Umno Bahagian Kepala Batas di sini, malam tadi Abdullah mahu generasi pascamerdeka menjadi golongan yang bersyukur dan menghargai erti kemerdekaan.

Beliau berkata, tidak mudah bagi pejuang kemerdekaan membebaskan negara daripada cengkaman penjajahan selama lebih 400 tahun dan kerana itu kemerdekaan mesti dipelihara.

Sebagai menghargai penat lelah pejuang lama itu, katanya mereka perlu mengisi kemerdekaan dengan memajukan diri dan negara dalam pelbagai bidang.

"Orang muda perlu memastikan kemerdekaan yang dikecapi ini berkekalan selama-lamanya dan tidak lagi dijajah dalam apa jua bentuk selepas ini," katanya.